



Rujukan: MITI.100-13/5/11 (4)
Tarikh: 23 Mei 2023

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Dato',

**JEMPUTAN PENYERTAAN PROGRAM 'SPY CAMP INNOVATION IN THE
LIBRARY 3.0' PERINGKAT MITI DAN AGENSI/INSTITUSI 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan mengadakan program 'Spy Camp Innovation in the Library 3.0' Peringkat MITI dan Agensi/Institusi 2023 pada **25 Julai 2023 (Selasa)**. Program ini adalah berkonsepkan 'explorace' dengan menerapkan elemen pembelajaran dan pemikiran yang melibatkan beberapa 'pit stop' di MPC, MIDF, MIDA dan Arkib Negara.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato' adalah dijemput untuk menyertai program berkenaan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran I** dan permohonan lengkap dikembalikan kepada MITI **sebelum atau pada 20 Jun 2023 (Selasa)**. Syarat penyertaan seperti di **Lampiran II**. Pihak YBhg. Dato' juga dipohon untuk menyediakan empat (4) hamper bernilai RM150.00 setiap satu untuk dijadikan tanda penghargaan kepada peserta yang terlibat.

4. Sekiranya pihak YBhg. Dato' mempunyai sebarang pertanyaan, pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

- i. **Puan Siti Suhana binti Adnan di talian 03-6208 4924; atau**
- ii. **Cik Nur Hidayah binti Yahaya di talian 03-6208 4927.**

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZZIB BIN HARUN)
Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

LAMPIRAN I

NAMA JABATAN/AGensi/INSTITUSI:

BORANG PENYERTAAN
'SPY CAMP INNOVATION IN THE LIBRARY 3.0'
PERINGKAT MITI DAN AGENSI/INSTITUSI TAHUN 2023

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: 20 JUN 2023 (SELASA), JAM 4.00 PETANG

KUMPULAN I :

NAMA	NO. MYKAD	NO. TEL
1. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
2. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
3. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
4. Nama : Emel :		Pejabat: HP:

KUMPULAN II :

NAMA	NO. MYKAD	NO. TEL
1. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
2. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
3. Nama : Emel :		Pejabat: HP:
4. Nama : Emel :		Pejabat: HP:



**SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN 'SPY CAMP INNOVATION IN THE LIBRARY 3.0'
PERINGKAT MITI DAN AGENSI/INSTITUSI 2023**

TEMA: 'CAKNA ILMU, INOVASI DITERAJU'

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: 20 JUN 2023 (SELASA), JAM 4.00 PETANG

1. Terbuka kepada warga:
 - Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Agensi di bawahnya;
 - Arkib Negara Malaysia;
 - Masjid Wilayah Persekutuan; dan
 - Mahkamah Kuala Lumpur
2. Setiap Jabatan/Agensi/Institusi dibenarkan menghantar penyertaan sekurang-kurangnya **satu (1) kumpulan atau maksimum dua (2) kumpulan**.
3. Jumlah ahli setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada **empat (4) orang ahli sahaja dan pertukaran peserta adalah tidak dibenarkan**.
4. Segala kos perbelanjaan ditanggung oleh Jabatan/Agensi/Institusi masing-masing.
5. Setiap pasukan boleh menggunakan kenderaan pejabat/persendirian.
6. Setiap pasukan akan dilindungi insurans. Bagaimanapun, para peserta bertanggungjawab ke atas keselamatan masing-masing semasa dan selepas pertandingan.
7. Setiap peserta disarankan untuk berpakaian sukan yang bersesuaian dan sopan supaya perjalanan aktiviti dapat dilakukan dengan sempurna dan selamat.
8. Setiap 'pit stop' dikehendaki menyediakan 'First Aid Kit'. Peserta juga amat digalakkan membawa sendiri 'Portable First Aid Kit'.
9. Pertandingan akan melibatkan empat (4) 'pit stop' terpilih yang terdiri daripada Agensi-agensi di bawah MITI dan kejiiran MITI seperti berikut:
 - 'Pit stop' 1 (Permulaan) : MPC
 - 'Pit stop' 2 : MIDF

- 'Pit stop' 3 : MIDA
- 'Pit stop' 4 (Terakhir) : ARKIB NEGARA

10. **Sebaik sahaja tiga (3) orang peserta dari kumpulan yang sama tiba di 'pit stop', maka kumpulan tersebut dibenarkan untuk membuat aktiviti yang disediakan tanpa perlu menunggu peserta keempat. Namun, peserta keempat tersebut perlu menyertainya kemudian.**
11. **Bagi 'pit stop' 2 dan 3 (MIDF dan MIDA), hanya tiga (3) orang peserta sahaja yang akan terlibat dengan aktiviti. Pengecualian ini diberikan kerana kekangan tempat parkir kenderaan.**
12. **Semua kumpulan perlu melaksanakan tugas yang diberikan di setiap 'pit stop' dalam tempoh masa 45 minit sebelum beralih ke 'pit stop' seterusnya. Penalti lima (5) minit penangguhan pelepasan ke 'pit stop' lain sekiranya kumpulan telah melebihi masa yang ditetapkan (45 minit).**
13. **Semua kumpulan akan diberikan pasport pengesahan dan perlu melalui empat (4) 'pit stop' sebelum diisytiharkan pemenang. Markah bonus sebanyak tiga (3) markah akan diberikan kepada tiga (3) kumpulan terawal sampai ke MITI. Jumlah markah akan menentukan juara keseluruhan dan catatan masa terkumpul akan dikira sekiranya berlaku markah seri.**
14. **Semua peserta perlu hadir ke tempat pelepasan selewat-lewatnya pada jam 8.00 pagi. Pelepasan akan bermula pada jam 9.00 pagi, 25 Julai 2023 (Selasa), di 'pit stop' 1: MPC.**
15. **Keputusan panel juri adalah MUKTAMAD. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.**
16. **Tarikh tutup penghantaran borang penyertaan adalah sebelum atau pada 20 Jun 2023 (Selasa), jam 4.00 petang.**

NOTA: Penyertaan daripada AGENSI/INSTITUSI hendaklah dimaklumkan kepada wakil di Agensi/Institusi masing-masing untuk dikemukakan kepada urus setia di MITI.